

20 kali dihimpit sindiket



LEMBU yang dikuarantin diperiksa tahap kesihatan setiap hari selama 15 hari sebelum dizinkan masuk.

Share Tweet +1 2 Share 2

Yusri Abd Malek dan Mohd Firdaus Ibrahim
am@hmetro.com.my

Padang Besar. Tawaran harga lebih murah berbanding pasaran, proses penghantaran yang cepat, lembu sihat dan besar.

Itulah antara 'janji' ataupun 'tawaran' ahli sindiket kepada pengimport lembu tempatan supaya mengambil bekalan daripada mereka.

Perkara itu didedahkan, Saad Nayan, 65, yang sudah 40 tahun menjadi pengimport lembu dari Thailand secara sah.

Menurutnya, lebih 20 kali ahli sindiket menghampirinya terutamanya ketika berjumpa di bandar ini supaya mengambil lembu daripada mereka.

"Saya tolak tawaran itu dan beritahu mereka bahawa saya tidak berminat kerana ia menyalahi undang-undang dan belum pasti tahap kesihatan binatang yang diseludup itu.

"Saya juga kerap menerima panggilan daripada mereka namun tetap menolak dengan baik," katanya.

Ditanya wartawan apakah tawaran diberikan sindiket, Saad berkata, pihak sindiket berjanji memberikan lembu lebih besar dengan harga murah selain proses penghantaran yang cepat.

"tetapi saya tidak tahu dakwaan mereka benar atau tidak kerana tidak pernah berurusan," katanya.

Pemilik syarikat Pam Beef itu berkata, sempena Aidiladha ini, dia sudah mengimport 400 ekor lembu.

"Harga lembu pasaran sempena korban antara RM4,000 dan RM5,000," katanya.

Saad berkata, dia ada hubungan baik dengan penfermak di sempadan dan urus niaga dilakukan secara sah serta memiliki dokumen yang diperlukan bagi proses pengimportan haiwan dari luar negara.

"Saya sendiri pergi ke kandang ternakan di Thailand bagi melihat lembu yang mahu dibeli. Seterusnya saya akan meminta pemilik lembu supaya melakukan dokumentasi selain proses kuarantin di Thailand sebelum dibawa ke Malaysia," katanya.

Menurutnya, sebaik tiba di sempadan, Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sekali lagi akan melakukan pemeriksaan sebelum lembu dibenarkan masuk ke Malaysia.

"Lembu seterusnya dibawa ke pusat kuarantin di pejabat MAQIS selama 15 hari. Selepas itu barulah dibawa ke kandang ataupun terus dihantar kepada pembeli," katanya.

Menjawab soalan wartawan sama ada proses kuarantin itu menyusahkan, Saad berkata, ia adalah langkah tepat untuk pencegahan sebarang wabak penyakit lembu daripada menular ke negara ini.

"Jika lembu yang dibawa masuk sakit, penyakitnya akan berjangkit dengan lembu sedia ada. Semua mati lagi rugi.

"Selepas menjalani kuarantin, semua lembu itu sudah dipastikan berada dalam keadaan sihat," katanya.

Tambahnya, dia menyeru pengarah jabatan veterinar di seluruh negara supaya memberikan kelulusan mudah kepada pengimport untuk menghantar lembu ke negeri lain.

"Ibu rayuan saya kepada mereka. Lagipun kita mengikut semua proses kuarantin dan dokumentasi yang diwajibkan," katanya.

Semakan wartawan mendapati pengarah veterinar di seluruh negara mempunyai kuasa bagi menghalang mana-mana pengimport untuk masuk ke negeri mereka.

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 2 September 2016 @ 10:37 AM

Mutakhir

- KB bandar paling sesak musim hari raya
- 2,020 kenderaan tinggalkan Langkawi menjelang Aidilfitri
- Nak panaskan makanan, gas meletup
- Terbabas sebelum maut بِئْسَ مَا رَجَعُوا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ
- Cari penyebar foto ngeri kes bunuh
- Ada sawan katanya
- Isa hadir ke SPRM

• Lagi Berita

Trending

- Liverpool beli Salah Chelsea untung
- Siasat dua budak bergaduh di taman
- Tangkap ikan di luar zon dibenarkan

Popular

- SOS petrol oleh APM di LPT2
- Wanita, budak rentung di ruang tamu
- Duka tanah 'ghaib'
- Onar di rumah mewah
- 2,020 kenderaan tinggalkan Langkawi menjelang Aidilfitri
- Isteri gabenor ditangkap terima rasuah
- Geng panjat gunung